

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8397**

**SOALAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan sindiket pengemis Luar Negara dan tempatan yang beroperasi, telah ditahan, didakwa dan dihukum mengikut pecahan Negeri, umur, jantina dan Negara asal setiap tahun dari 2010 sehingga 2015.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Dalam menangani masalah sindiket kutipan derma, pengemis dan eksploitasi manusia terutamanya kanak-kanak dan orang kelainan upaya (OKU), satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan yang diketuai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pasukan ini dianggotai oleh PDRM, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, PLUS Malaysia Berhad, Petronas Services dan Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia.**

**Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menjalankan operasi bersepadu bagi menyelamatkan kanak-kanak dan OKU yang menjadi mangsa mengutip dana atau meminta sedekah di tempat awam dari semasa ke semasa menggunakan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Orang-Orang Papa 1977. Dalam hal ini, JKJ bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi membanteras masalah ini.**

**Kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi mengutip dana akan diselamatkan berdasarkan kepada perenggan 17(1)(k), Akta Kanak-Kanak 2001 dan akan ditempatkan di Tempat Selamat.**

**Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka perlu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah bagi kanak-kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka.**

**Sehingga kini pihak polis tidak mengesan sebarang sindiket yang terlibat dalam aktiviti mengemis dari luar negara atau tempatan. Kebanyakan pengemis yang ditangkap mengemis atas kehendak mereka sendiri atau dipaksa oleh kaum keluarga untuk menyara kehidupan harian mereka.**